

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.05.2016**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang terpaksa menghadapi pengurangan peruntukan 2016 berikutan kemerosotan ekonomi negara sekarang dan impak kekurangan ke atas kehidupan rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan pengurangan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan mengikut Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan adalah seperti berikut:

Bil	Kementerian/Jabatan/ Agensi Persekutuan	Peruntukan Mengurus RM juta	Peruntukan Pembangunan RM juta
1	Parlimen	1.9	-
2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	0.066	-
3	Jabatan Audit Negara	2.4	-
4	Suruhanjaya Pilihan Raya	5.7	-
5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	1.2	-
6	Jabatan Perdana Menteri	199.0	1,479.8
7	Jabatan Perkhidmatan Awam	75.0	-
8	Jabatan Peguam Negara	2.9	-
9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	4.3	-
10	Perbendaharaan	127.5	208.0
11	Pekhidmatan Am Perbendaharaan	1,281.4	-
12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	366.4	-
13	Kementerian Luar Negeri	14.2	-
14	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	4.8	52.0
15	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	100	205.0
16	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	120	865.8
17	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	17.9	60.0
18	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	12.8	111.0
19	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	18.0	-
20	Kementerian Kerja Raya	161.5	-
21	Kementerian Pengangkutan	31.4	-
22	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3.8	193.5
23	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	20.0	178.2
24	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	25.0	30.0
25	Kementerian Wilayah Persekutuan	14.8	-

26	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	0.24	-
27	Kementerian Kesihatan	383.6	-
28	Kementerian Kesejahteraan B'dr, Perumahan & Kerajaan Tempatan	84.5	187.0
29	Kementerian Belia dan Sukan	14.0	-
30	Kementerian Sumber Manusia	19.0	10.0
31	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	39.3	120.0
32	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	28.0	-
33	Kementerian Pertahanan	286.0	-
34	Kementerian Dalam Negeri	120.0	-
35	Kementerian Pendidikan	350.0	200.0
36	Kementerian Pendidikan Tinggi	15.0	100.0
	JUMLAH	3,951.6	4,000.3

Tuan Yang di-Pertua,

Rasionalisasi Bajet 2016 yang melibatkan semua Kementerian dibuat tanpa menjejaskan operasi utama Kementerian dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat. Misalnya dalam konteks Kementerian Kesihatan, rasionalisasi sebanyak 1.7 peratus daripada peruntukan asal tidak menjejaskan perancangan Kerajaan dalam meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti seperti perluasan program Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia di pedalaman Sabah dan Sarawak, bantuan perubatan dan

pengoperasian hospital di seluruh negara termasuk hospital baharu.

Dalam konteks sektor pendidikan tinggi pula, pengurangan sebanyak RM15 juta ke atas peruntukan mengurus Kementerian Pendidikan Tinggi tidak melibatkan pengurangan kepada peruntukan universiti awam (UA). Sebaliknya, jumlah rasionalisasi ini dibuat melalui tindakan penjajaran semula program dan aktiviti di peringkat Kementerian dan Jabatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, langkah perbelanjaan berhemat ini tidak melibatkan pengurangan emolumen kakitangan awam, pencen pesara dan program bantuan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagi projek pembangunan pula, keutamaan diberikan kepada program yang mempunyai kesan langsung kepada rakyat termasuk pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam. Pelaksanaan projek utama seperti MRT dan LRT, Lebuh raya Pan Borneo dan RAPID Pengerang juga akan diteruskan.